

TRANSKRIPSI SESI TEMURAMAH SEJARAH PENUBUHAN USIM

Tokoh: Prof. Dato' Dr. Muhamad b. Muda

Jawatan: Timbalan Naib Canselor, Akademik & Antarabangsa
(2007 – 2009)

Tarikh temuramah: 29 April 2008

Penemuramah: Harianti Husain (Pustakawan)
Ahmad Yazid Ahmad (Pustakawan)

.....

Prof : Okay terima kasih, *bismillahirrohmanirrohim. Waalaikumsalam w.b.t*, pertama sekali terima kasih lah kerana diberikan peluang untuk aa berbicara pada aa hari ini berkaitan dengan aa sejarah perkembangan USIM. Aa berkaitan dengan aa pembabitan sayalah dalam aa USIM yang dulunya dikenali sebagai KUIM ya. Emm diperingkat aa awal diperingkat perbincangan ya yang dibuat oleh KUIM ketika itu, ada sedikit aaa perbincangan aa dalam konteks untuk menentukan fokus dan hala tuju lah iaitu sebelum saya aa menjadi secara rasminya lah aa kakitangan di USIM. Kemudian aa itu sebelum, itu ketika saya di UKM lagilah. Kemudian pada tahun 2001, saya bulan Jun, bulan Jun ya tahun 2001, aaa melapor diri sebagai kakitangan USIM lah. Di boleh dikatakan disitulah aa tarikh permulaan pembabitan secara langsung dengan perkembangan USIM. Jadi ketika awal itu aa KUIM aa masih kecil, ketika itu masih berada di aa kampus IPB di aa Kampung Pandan. Aa tapi

dalam masa yang sama juga aa pada hari pertama tu aa kampus di Pandan Indah juga di aa telah telah telah aa ada jadi aa pada masa itulah aa mula berpindah ke Pandan Indahlah. Aa ketika itu ada tiga fakulti aa Fakulti Syariah Undang-undang, Fakulti Da'wah Dan Pengurusan Islam dan juga Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah. Aamm, jadi pembabitan awal saya itu aa emm, salah satu perkara yang diminta ialah untuk memikirkan dan mendrafkan satu kertas kerja untuk penubuhan satu fakulti yang berteraskan kepada ekonomi dan perniagaan, jadi disitulah bermulanya.

Harianti : Okay, sebagai dekan pertama FEM, okay boleh Dato' kongsikan pengalaman sewaktu menyandang jawatan tersebut?

Prof : Ya, Fakulti Ekonomi Dan Muamalat aa secara rasminya ditubuhkan pada bulan Oktober tahun 2001 ya emm dan aa pengambilan pelajarinya bermula tahun 2002 ya. Aa pada peringkat awal itu aa tugas banyak berkisar kepada perancanganlah. Bagaimana untuk aa menggerakkan fakulti dari segi keperluan fizikal, aa pejabat, keperluan pentadbiran dan juga keperluan akademik aa tapi untuk keperluan akademik itu aa kertas kerja asal itu sudahpun mencadangkan supaya di juga telah diluluskan ketika itu satu program yang dinamakan program sarjana muda pentadbiran muamalat aa dengan kepujian ya. Jadi segala rangka kursus dan sebagainya sudahpun ada jadi ketika itu persediaan untuk pengambilan pelajar dan juga staf akademik untuk memulakan pengajian lah. Jadi dalam

tahun pertama itu lebih kepada dikata proses pelaksanaan lah, pelaksanaan untuk meletak tapak bagi sebuah fakulti yang barulah ya. Jadi empat aspek yang utama itu tadilah. Dari segi pentadbirannya, dari segi sumber manusia, ahli akademik, keperluan fizikal dan juga pembangunan programlah.

Harianti : Apakah cabaran-cabaran sewaktu bermula fakulti ini ditubuhkan Dato'?

Prof : Aaa, memang ada banyak cabaran, aa yang pertama itu aa nama fakulti itu iaitu Fakulti Ekonomi Dan Muamalat pertama kali digunakan sebagai satu nama rasmi dan aa itu memang sengaja di dibuatkan begitu. Istilah muamalat itu digunakan untuk mencerminkan perniagaan secara 'Islamik' ya. Jadi oleh kerana nama KUIM pada ketika itu adalah sebuah universiti yang memang terasnya ialah pengajian islam. Jadi kita tidak mahu mengulangi menyebut perkataan misalnya "perniagaan islam", aa sedap aa dengan maksud bahawa apa program yang kita buat di KUIM dan di USIM sekarang ini semua berteraskan kepada pengajian islam. Jadi kita tidak perlulah ulang-ulang lagi misalnya "sains, sains islam, ekonomi, ekonomi islam". Maknanya di di di fahamkan maksudnya begitu ya. Jadi pertama kali ada didalam negara sebuah fakulti yang dinamakan Fakulti Ekonomi Dan Muamalat. Aa jadi ini satu konsep baru juga sebenarnya aa kepada,, kepada masyarakat dan kepada industri. Jadi cabarannya bagaimana untuk membuatkan kita kata masyarakat industri boleh menerima program ini aa emm sepenuhnya.

Aa jadi banyak usaha yang kita buatlah, terpaksa buat untuk mempopularkan aa nama itu jadi kita buat 'newsletter', kita hebahkan menggunakan banyak program-program promosi. Aa juga cabaran pertama yang kita terima ialah dalam pengambilan pelajar, jadi ini program yang baru dan pelajar pun aa kurang jelas, ibu bapa khususnya kurang jelas tentang aa pentadbiran muamalat ini. Jadi bila kita ambil pelajar itu aa banyak sesi peneranganlah yang terpaksa kita buat untuk menjelaskan sebenarnya apa dia, apa peluang pekerjaan, apa khusus-khusus yang kita ajar, aa apa konsep, falsafah pengajian itu. Malah banyak kita mendapat panggilan daripada ibu bapa yang menanyakan aa apa maksud 'Muamalat' ini ya. Dalam masa yang sama itu aa lebih kurang waktu yang sama juga ada bank yang nama 'Bank Muamalat' tapi ketika itu juga mungkin penerimaan istilah muamalat itu belum meluas, jadi kita banyak terpaksa menerangkan dan juga terpaksa menerangkan kepada ibu bapa yang apabila anak-anak mereka masuk ya aaa akan terdapat bidang-bidang pekerjaanlah sebab kita ketika itu pun kerajaan sedang berusaha untuk mengembangkan 'islamic banking' dan sebagainya. Jadi memang bidang pekerjaan itu luas ya jadi itu sedikit sebanyak membantu kitalah dalam proses untuk menjelaskan kepada masyarakat. Aaa sehingga kini *Alhamdulillah* lah kita maknanya kita lihat universiti-universiti lain pun juga sama turut aa menawarkan program yang sama dan penerimaan masyarakat pun sudah, sudah meluas dan graduan yang kita keluarkan pada tahun 2006 dulupun sudah mendapat tempat dalam industri. Jadi nampaknya hasil usaha itu aa berjaya jugalah. Yang kedua cabaran ialah untuk mendapatkan tenaga pengajar. Aa oleh kerana bidang pengajian kita ini kita

berdasarkan kepada tiga, tiga apa ni kita kata penekanan. Satu pengajian berbidang luas, berbidang luas ini bermaksud pelajar kita didedahkan dengan pengajian islam, dengan semua fungsi aspek perniagaan dan juga kemahiran-kemahiran asas, kemahiran berfikir, kemahiran berkomunikasi, kemahiran keusahawanan, kemahiran kerja berpasukan dan sebagainya. Aa yang kedua dia menekankan kepada kita panggil aa apa ni aa 'islamic content' ataupun pengisian 'islamic' itu. Dan yang ketiga ialah penekanan kepada industri. Jadi daripada awal lagi memang program ini kita dah cuba aa lihat dimana letaknya didalam aa industri, cuma apabila sampai kepada untuk mencari tenaga pengajar yang bersesuaian, kita mendapat mendapati sedikit masalah lah sebab aa selama ini, memang aa apa kita kata aa calon-calon yang mempunyai kelayakan daripada bidang syariah itu aa yang mana lebih dekat dengan kitalah aaa ataupun *fiqh* itu mereka hanya menjurus kepada bidang *fiqh* yang melihat daripada perspektif keagamaan ataupun akidah, dan yang ada kelayakan dalam bidang itu aa kurang pendedahan bidang akidah ataupun bidang *fiqh*. Jadi kita ada dua macam pola sedangkan program kita ini adalah program sehati aa pendidikan islam, terasnya. Jadi itu menjadi cabaran kepada kita, bagaimanapun kita dalam proses kita itu kita terpaksa bina secara dalamanlah kepakaran itu, jadi kita ambil pensyarah yang ada kepakaran dalam bidang *fiqh* aa muamalat dan kita ada, kita ambil juga pensyarah daripada aa bidang konvensional aa perniagaan ini, bisnes, ekonomi dan sebagainya and kita adakan program dalaman yang kita panggil aa program pengukuhan aaa apa ni aa pengukuhan aa bidang inilah, muamalat ya. Dan kita panggil pakar-pakar daripada luar untuk memberikan

pendedahan kepada pensyarah kita jadi kita dapat sebatikanlah. Jadi ini kita sudah laksanakan daripada awal lagi fakulti ditubuhkan, sehingga hari ini masih berjalan lagi program itu dan aa nampaknya *Alhamdulillah* kita Nampak ada peningkatan yang banyaklah. Jadi pensyarah kita yang memang latihannya aa kelayakannya bidang *fiqh* itu sekarang ini dia sudah terdedah dengan bidang-bidang perniagaanlah dan yang asalnya bidang perniagaan itu dia pun ada juga pengetahuan dalam bidang *fiqh* dan muamalat dan sebagainya ya. Aa jadi, itu cabaran besar sebenarnya sebab kita pergi sampai ke luar negara untuk mencari calon-calon yang sebegitu dan aa sehingga kita pergi ke UK dan rata-rata tempat yang kita pergi ini semua mengatakan ini bagi mereka adalah satu benda yang baru dan mereka pun kalau boleh hendakkan kepakaran yang sebegitu ya aa jadi itu saya rasa cabaran yang besar juga tapi *Alhamdulillah* kita berjayalah aa membuat itu, yang lain itu saya rasa pembangunan fizikal haa yang itu kita bergantung kepada peruntukan yang ada dan *Alhamdulillah* lah bangunan FEM pun sekarang sedang dalam proses pembinaan ya jadi itu perkara-perkara biasalah tapi yang, yang besar itu ialah bagaimana untuk meyakinkan ibu bapa dan pelajar tapi akhirnya hari ini kita lihat aa pelajar-pelajar yang mempunyai, calon-calon yang mempunyai kelulusan yang tinggilah. Aaa yang terbaru ini kita nampak yang, yang nampak 'top' kita kata 'top 100' STPM and juga STAM memohon untuk masuk FEM, jadi itu nampak peningkatanlah yang kita, kita lihat, ehemm (berdehem).

Harianti : Aaa boleh tidak Dato' ceritakan program-program aa program-program terawal yang diperkenalkan oleh fakulti ketika itu?

Prof : Ya, ketika itu kita ada satu program iaitu yang kita panggilkan sarjana muda pentadbiran muamalat dengan kepujian, program empat tahun emm, lapan semester emm dan mempunyai tiga kita..kita..kita bahagikan kepada tiga pengkhususan. Satu pengkhususan ialah perbankan islam, yang kedua ialah pentadbiran korporat dan yang ketiga ialah aa pemasaran aa perkhidmatan kewangan ya dan pelaburan. Jadi itu tiga bidang yang kita adakan ataupun pengkhususanlah kalau dalam konteks sekarang dipanggil 'major, so three majors', tiga pengkhususan 'major'. Aa tujuannya ialah untuk menempatkan pelajar-pelajar kita ini supaya ada sedikit pengkhususan didalam bidang masing-masing, jadi kalau 'islamic banking' itu dan takaful itu dia kita harapkan kalau dia menceburi aa dalam bidang perbankan islam dan takaful, dia mempunyai 'advantage' lah sebab dia ada 'additional knowledge'. Dan yang kedua itu macam err perkhidmatan kewangan dan pelaburan itu kita cuba sasarkan kepada aa industri pengurusan aset atau 'asset management' dan sekarang begitu berkembang luas ya. Dan yang ketiga itu ialah pentadbiran korporat ini kita cuba sasarkan kepada aa apa ni aa industri kesetiausahaan syarikat atau 'corporate secretaryship' yang mana kalau di apa ni kelayakan profesionalnya itu ialah 'institute of chartered secretaries and administrator', mereka yang keluar daripada bidang ini dia boleh jadi 'company secretary and it is a professional, professional programs', dia perlu dilesenkan jadi program kita ini kita buat supaya

membolehkan pelajar kita ini aa graduan kita nanti mendapat 'maximum exemption' daripada SCSA dan aa setelah mengambil beberapa kursus modul di SCSA dia akan dia boleh mendaftarkan sebagai setiausaha syarikat. Jadi, pada awal, itu sahaja program yang kita tumpukanlah sehingga dua tahun selepas itu perkenalkan sarjana muda perakaunan lah. Jadi itu program yang biasa, yang memang aa terpaksa mengikut 'industry standard' lah ya sementara itu kita 'inject' kan juga aa 'islamic' apa ni aspek dalam program itu ya. Jadi program kita itu memang kita program sebatilah. Kita tidak kita kata macam setengah program itu dia macam 'comparative aa studies' makna makna dia ada 'islamic', ada 'conventional', dan cuba bandingkan, jadi kajian penbandingan. Aaa dan ada juga yang jenis kita kata aa dia cuba buat macam aa penambahan ataupun apa kita panggil 'top up' lah. Maknanya dia mengikuti program biasa untuk sampai enam atau tujuh semester kemudian semester terakhir itu mengambil beberapa subjek 'islamic banking' atau takaful dan aa begitu tapi program kita ini daripada awal lagi kita sudah dedahkan dengan 'islamic content' itu tadi. Jadi itu dua program lah dan terakhir ini diluluskan dua program lah, iaitu 'spin of' daripada dua pengkhususan itu tadi, sekarang ini sudah ada sarjana muda pemasaran, aa perkhidmatan kewangan, dan sarjana muda pentadbiran korporat and hubungan. Jadi itu dua program baru ya yang sudah diluluskan oleh kementerian. Jadi FEM kini akan ada empat programlah ya.

Harianti :

Okay, macam yang Dato' katakan tadi, aa mungkin pada masa itu aa baru menubuhkan macam program sebatil

yang pertamalah. 'So' macam mana ya Doktor, eh Dato' err macam membuat 'survey' ataupun idea-idea itu untuk menubuhkan program itu, macam mana Dato' buat 'survey' ataupun aaa..

Prof :

Oww, idea itu tercetus aa satu ialah memang kehendak universiti ketika itu saya diberi mandat untuk mengadakan satu program yang unik, yang berbeza lah ya daripada apa yang sedia ada, yang kedua ialah program itu dapat memenuhi kehendak aa pasaran dan juga selari dengan aspirasi ataupun aa visi, misi dan matlamat aa KUIIM ketika itu. Jadi matlamat KUIIM ketika itu ialah aa ataupun misinya ialah ingin memartabatkan aa ilmu dan insan dan mengenengahkan aa pendidikan islam ini sebagai kita kata pendidikan arus perdana ya, bukan program yang, yang pinggiran ya. Jadi kita terpaksa mencari ruang dimana kita aa dapat memenuhi aa kehendak itu. Jadi saya banyak berbincang dengan aa dengan aa pihak industri, kebetulan ketika itu juga saya duduk sebagai ahli lembaga pengarah di Bank Islam, jadi banyak juga perkara-perkara yang berlaku dalam perkembangan Bank Islam itu sendiri aa memberikan perspektiflah terhadap keperluan aa kita kata guna tenaga yang mempunyai kepakaran seperti itulah yang mempunyai 'integrated aa knowledge and skill'. Aaa kemudian aa kita tanya juga ya aa pakar-pakar daripada aaa pendidikan, pendidik yang lain dalam bidang-bidang konvensional dan juga idea yang aa yang saya cerita tadi yang kita pergi ke luar negara, ke UK menanyakan beberapa universiti menanyakan tentang hal ini dan ini mengukuhkan lagi pendapat kita bahawa memang ada keperluan, 'so' kebetulan dalam masa yang sama aa Bank

Negara and juga Suruhanjaya aa 'security' masing-masing mengeluarkan pelan induk jangka panjang untuk pembangunan aa industri kewangan. Jadi bank negara ada dia punya 'blue print' dia dan juga suruhanjaya 'security' ada 'blue print' yang mana ketika itu disebut aa perbankan islam, kewangan islam ini akan dikembangkan sepuluh kali ganda. Jadi, pada tahun 2001, awal tahun 2000 itu sendiri emm aa industri ketika itu sangat kecil dan kita kata aa penawaran, 'supply of human resource' ya aa modal insan yang mempunyai kepakaran itu memang kurang jadi itu juga mengukuhkan pendapat kitalah bahawa aa keperluan ini memang jelas aa ada dan aa selepas itu kita membuat juga 'survey' aaa dengan industri untuk menanyakan aa tentang keperluan-keperluan spesifik dari segi ilmu ataupun bidang-bidang yang diperlukan, jadi itu yang tadi yang terketusnya tiga bidang major yang kita buat ya. Jadi aa itu adalah gabungan daripada kehendak dalaman USIM sendiri yang mempunyai visi misi yang berpandangan jauh dan aa disokong dengan kita kata 'opportunity', peluang yang ada semasa, ketika itu dan peluang itu sampai sekarang pun memang ada, memang keperluan guna tenaga untuk perbankan islam, 'wealth management' aa pengurusan asset tadi, pengurusan harta islam ini aaa masih berkembang pesat dan kita jangka pun akan terus berkembang dan sekarang lebih lagi dikembangkan dalam bidang-bidang lain seperti zakat, wakaf, sadaqah, wasiah dan sebagainya. Jadi kita nampak aa peranan yang besar yang boleh dimainkan oleh USIM ketika itu dengan membangunkan program itulah.

Harianti :

Okay, boleh Dato' ulas sedikit mengenai aaa okay siswazah yang bagaimana yang hendak dilahirkan oleh FEM dan apakah 'relevancy' nya terhadap penggunaan tenaga dan modal insan Malaysia.

Prof :

Aaa, FEM aa agak jelas juga tentang aa kita kata ciri-ciri graduan yang ingin dilahirkan aa dia ingin berketerampilan, aaa berpengetahuan dan juga kreatif, itu menjadi motto kepada pembangunan graduan di FEM lah. Aaa jadi segala usaha yang dibuat itu berkisar kepada itu ya, jadi aaa aktiviti-aktiviti pelajar dan juga aktiviti-aktiviti fakulti difokuskan kepada pembangunan aaa graduan FEM daripada tahun 1 sampai tahun 4. Jadi aaa dirancangan, direncanakan sebegitu rupa misalnya pada tahun 1 aa pelajar FEM ini mereka perlu membuat lawatan industri untuk memberi pendedahan sebab tadilah kita kata bahawa industri ini agak baru jadi aa pendedahan kepada pelajar itu penting tentang apa yang ada dalam industri dan bagaimana nanti apabila mereka tamat pengajian dia dapat menceburi bidang-bidang yang ada ya. Pada tahun 2 kita wajibkan aa sekumpulan pelajar kita untuk buat lawatan ke luar negara, jadi kita mahukan juga pelajar kita ini supaya dia mempunyai pandangan yang luas, pandangan yang tidak sempit, yang sesuai dengan apa ni matlamat fakulti ketika itu iaitu aaa pelajar ini harus boleh menjadi pemimpin dalam masyarakat yang boleh mendokong bahawa islam ini progresif, islam ini maju, islam ini dihormati dan sebagainya. Jadi setiap tahun pelajar akan buat lawatan antarabangsa, itu tahun kedua. Tahun ketiga ketika itu adalah tahun latihan industri, ini proses pembangunan pelajar di FEM. Jadi setiap pelajar mesti

membuat latihan industri selama 12 minggu ketika itu aa pada tahun 3. Pada tahun 4, pelajar didedahkan dengan aspek keusahawanan yang memfokuskan kepada pengurusan acara atau 'event management'. Sebab 'event management' ini merupakan satu industri yang besarlah jadi kalau untuk menjual produk fizikal ini mungkin sudah biasa orang buat, tetapi 'value added' yang tinggi itu dalam pengurusan acara, jadi memang pelajar itu diwajibkan. Jadi daripada dulu lagi, daripada aa awal lagi, program yang sampai sekarang ada ini, iCEPS itu dibuat oleh pelajar tahun 4. Itu semua program ini memang diurus sepenuhnya oleh pelajar. Misalnya kalau lawatan industri, pada tahun 1 itu, fakulti cuma membantu tapi dari segi perancangan, untuk menentukan tempat, menghubungi organisasi tertentu sebagainya itu semua dibuat oleh pelajar, untuk apa ni mendapatkan kenderaan sebagainya itu semua dia urus. Ini sebagai latihan kepada palajar itu untuk kita kata ada pengalaman berorganisasilah, sesuai dengan kita kata program yang mereka lalui. Kemudian tahun 2 juga, sama juga, untuk lawatan antarabangsa itu, mereka yang merancang kemana mereka nak pergi. Misalnya yang pertama, kumpulan yang pertama dulu pergi ke Indonesia, Jakarta, tahun kedua pergi ke Brunei ketika itu sebab satu memang Brunei ini jiran kita sebab fokus kita itu ialah negara Asian 'so' pergi ke Brunei dan tahun ketiga itu pergi ke China ya, tahun keempat pergi ke Vietnam. Jadi ini semua mereka yang rancang, mereka kutip duit, mereka cari 'sponsor' mereka buat aktiviti untuk mendapat, jadi ini merupakan proses pembangunan diri ya untuk mendedahkan jadi mereka dapat pengalaman sebab dalam mencari 'sponsorship' ataupun membuat aktiviti-aktiviti itu aaa lagi meningkatkan daya apa ni daya yakin

diri mereka dan boleh berhubung dengan pihak-pihak luar ya. Aa boleh dikatakan semua program yang dibuat itu aa membawa lebih dana ya daripada keperluan ya, jadi itu satu baiknya sama juga dengan program iCEPS untuk tahun 4 itu setiap tahun dapat untung, yang terakhir itu saya dengar untung sampai enam puluh ribu ringgit ya. Jadi ini semua dimasukkan dalam tabung pelajarlah untuk kegunaan pelajar yang seterusnya. Jadi itu dari segi pembangunan pelajar yang kita buatlah. Dari segi pembangunan kemahiran akademiknya, kita tetapkan bahawa pelajar kita ini sekurang-kurangnya dia boleh membuat perancangan perniagaan. Perancangan pemasaran itu dibuat dalam tahun 2, aa perancangan kewangan tahun 3, perancangan aa perancangan aa perniagaan keseluruhannya itu memang dibuat dalam tahun 4 jadi aa itu juga dilatih itu menjadi sebahagian perkara wajiblah kepada pelajar, jadi satu pembangunan diri yang difokuskan itu dan yang kedua itu pembangunan kemahiran akademik selain daripada kita kata ilmu-ilmu pengetahuan yang, yang asas yang adalah. Jadi *alhamdulillah* ada setengah, ada juga beberapa yang keluar jadi usahawanlah kita kata ya, peniaga-peniagalalah mula-mula dan ada yang bekerja di organisasi yang apa ni kita rasa aa yang besarlah, termasuk juga organisasi antarabangsa. Jadi memang kelebihan graduan USIM secara itu ialah penguasaan bahasa inggeris dan bahasa arab, jadi itu kelebihan yang ada semualah aa termasuklah kelebihan itu juga diraih oleh pelajar FEM lah dan itu kita rasa satu kekuatanlah dan kita teruskanlah itu ya.

Harianti : Jadi macam yang Dato' katakan tadi mungkin FEM adalah salah satu fakulti yang paling banyak praktikalnya dengan industri-industri luar, dengan syarikat-syarikat luar, so bagaimana dengan kerjasama dengan pihak industri dalam tahap ini dan apakah impaknya kepada fakulti sendiri.

Prof : Ermm, banyak kerjasama yang kita buat aa yang, impak yang dapat ialah satu emm dia mendedahkan fakulti ya, kita tahu bahawa fakulti baru, kita perlu aa menghebahkan kepada industrilah aa ini untuk memudahkan pelajar kita dan juga fakulti bergeraklah. Maknanya kalau industri kita mengetahui tentang adanya fakulti dan graduan yang kita lahirkan, maka lebih mudah, dan aa hubungan itu penting dan selalunya hubungan itu dua halalah maknanya kita cuba juga memberi sumbangan kepada industri dalam masa yang sama kita mendapat manfaat daripada hubungan itu, jadi hubungan itu mungkin boleh dari bentuk misalnya memberikan kredibiliti kepada program kita selain daripada sumbangan kewangan dan juga kita kata apa ni pendedahan kepada fakulti. Jadi badan-badan profesional itu menjadi fokus utamalah dan kita tengok industri yang dekat misalnya aa *Maybank Islamic*, intitusi-intitusi *Islamic*, itu yang banyaklah kita bekerjasama dengan secara rapatlah.

Harianti : Yang paling banyak bank apa?

Prof : Err, kita ada beberapa bank yang memang menjadi kita kata kita punya aa *main supporter* aaa dan aaa industri-industri kebanyakan yang berbentuk *Islamic* lah. Jadi kalau

insuran itu syarikat takaful ya jadi syarikat takaful ini ada berapa syarikat takaful yang memang bekerjasama dengan kita, kalau perbankan islam itu hampir kesemua bank-bank *Islamic* ini memang ada hubungan dengan kitalah dan memang memberikan sokongan kepada kitalah ya. Jadi dalam bidang itulah setakat ini.

Harianti :

Okay, apakah pandangan dato' ataupun daripada perspektif peribadi dato' , apakah pencapaian fakulti yang paling cemerlang setakat ini dan bagaimanakah penilaian terhadap kecemerlangan itu dilakukan?

Prof :

Emm, walaupun banyak lagi perkara yang mungkin perlu aa dibuat untuk meningkatkan aa pencapaian fakulti, tapi setakat ini usaha kita yang kita buat daripada tahun 2001 ya selama beberapa tahun ini sudah menampakkan hasilnya ya, dari segi kita kata penerimaan masyarakat yang saya sebut, cabaran utama kita aa dulu ya tentang graduan kita itu nampaknya ada hasil. Misalnya ada graduan kita yang sudah bekerja dengan syarikat-syarikat antarabangsa ya. Aaa dan juga ada juga aa pelajar kita misalnya dengan pengalaman yang sedikit itu, aa sudahpun menjawat jawatan yang agak senior dalam organisasi dan tahun lepas itu ada seorang pelajar kita yang keluar yang terus diberikan satu *senior position* didalam bank *Islamic*. Ya jadi ini kita rasakan satu pencapaian oleh kerana penerimaan yang begitu aa besarlah yang diberikan kepada kita. Aaa dari segi pencapaian akademik itu kita boleh lihat misalnya jurnal yang dikeluarkan oleh fakulti, JMIFR (*Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*) itu tersenarai

sebagai salah sebuah jurnal antarabangsa oleh *University Harvard*, jadi *University Harvard* mengiktiraf jurnal itu sebagai salah satu jurnal *Islamic Banking Finance* yang terkemukalah. Jadi ini juga kita kirakan sebagai satu pencapaian dan aaa penerimaan industri kepada kepakaran kita misalnya pensyarah kita sering dijemput, dipanggil untuk membuat kerja-kerja konsultansi, aa perundingan ya. Jadi ini beberapa perkara yang sudah pun berlaku walaupun kalau kita bandingkan dengan universiti yang sudah establish ini mungkin tidaklah seberapa, tapi sebagai universiti yang baru, yang kita rasa terpaksa aa bekerja keras, kita rasa sudah ada sedikit pencapaianlah disitu dan aa semestinyalah kita terpaksa bekerja lebih keras lagilah untuk mengenengahkan aa universiti, fakulti dan yang pentingnya kita ingin mengenengahkan pendidikan islam itu ke arus perdana, itu aa apa ni hasrat yang utama dan FEM sebagai sebuah fakulti dalam bidang ekonomi dan muamalat, dia akan memberikan focus kepada itulah. Mungkin fakulti lain, fakulti sains dengan bidang sainsnya, fakulti quran dan sunnah dengan bidangnya, tapi FEM untuk ekonomi muamalat ataupun perniagaan islam itu, itulah aa fokusnyalah.

Harianti :

Okay dato', mungkin ada lagi aa ruang-ruang ataupun penambahbaikan yang perlu dilakukan di fakulti ekonomi dan muamalat, apa pendapat dato' mengenai perkara ini untuk penambahbaikan?

Prof :

Aaa sebab memang konsep asas kita itu pembaikan berterusan, aa kita memang mendokong bahawa kita kata

emm aaa meningkatkan daya usaha ini ialah satu perjalanan, bukan satu destinasi ya, maka akan ada setiap masa perkara-perkara yang kita perlu tingkatkan ya. Tetapi perkara yang paling segera saya rasa yang mungkin aaa harus diberikan perhatian oleh fakulti ialah meningkatkan kelayakan aa pensyarah aa bilangan yang mempunyai PhD aa pada tahap yang bersesuaian, sasarannya lebih kurang 60%, 60 hingga 70% dan kalau lihat pada pencapaian itu, pada tahun 2010 ini *insyaallah* FEM mungkin akan mencapai aa tahap itulah dan perkara ini akan berterusan sebab kita akan terus mengambil pensyarah-pensyarah baru dan terus akan melatih dan aa usaha ini akan menjadi usaha yang berterusanlah. Dan aa saya rasa selepas ini mungkin aa penekanan kepada *post graduate studies* aa pengajian pasca siswazah. Emm walaupun saya secara peribadi rasa sangat gembira dengan pencapaian yang ada dengan program-program yang sedia ada dan program-program baru yang diluluskan pada peringkat pra siswazah itu, tapi saya rasa FEM sekarang ini sudah bersedia untuk melangkah aa menyediakan program-program pasca siswazah dalam bentuk kerja kursus. Yang ada sekarang adalah dalam bentuk tesis, tapi yang perlu adalah dalam bentuk kerja kursus. Ini kerana kerja kursus ini dia lebih luas dari segi kita kata penglibatan ataupun keperluan industri. Kita ada ramai kita rasa aa para eksekutif didalam *Islamic banking, finance, wealth management* itu yang memerlukan pengetahuan yang lebih luas, lebih tinggi lagi daripada pengetahuan yang mereka ada sekarang. Jadi ini mungkin satu bidang yang perlu diterokailah untuk FEM dari segi peningkatan aaa akademiknyaalah ya. Dan *of course research publication* itu akan diteruskanlah.

Harianti : Okay mungkin kita melalui kepada mengenai kampus barulah, okay untuk mungkin yang terakhir, pendapat secara peribadi apakah harapan dato' kepada fakulti ekonomi dan muamalat dan USIM secara umumnya.

Prof : Aaa pembangunan fizikal kita memang berjalan seperti yang kita rancangkan ya dan aa sekarang ini emm bangunan FEM dalam proses ya pembinaan dan aa dalam perancangan itu, bangunan itu boleh memuatkan lebih kurang 2000 orang pelajar yang mana 70% itu adalah pra siswazah da 30% lagi ialah untuk pelajar siswazah. Jadi untuk pelajar-pelajar pra siswazah ini keperluannya aa seperti yang sedia adalah dan kita mungkin akan pindah segala kemudahan yang sedia ada di yang di apa ni disewakan sementara ataupun dikongsi sementara itu ke bangunan baru iaitu makmal-makmal seperti makmal perlaburan, makmal bahasa, makmal perakaunan dan sebagai itu akan dipindahkan tetapi didalam bangunan baru itu memang direka khas supaya dia dapat aa menjadi satu, menimbulkan satu suasana yang kondusif untuk *graduate students*. Jadi fokusnya adalah kepada *graduate students* yang mana kita anggarkan bahawa yang akan hadir itu ialah eksekutif-eksekutif daripada intituti-intituti perbankan dan intituti-intituti *Islamic*. Jadi, aaa pastinyalah suasana itu aa tidak hanya sekadar kita kata aa suasana akademik untuk pengkuliahan tetapi lebih kepada suasana untuk bagaimana eksekutif ini dapat memberikan sumbangan dan tumpuan terhadap kita kata aa perbincangan dan juga fokus kepada isu-isu aa dalam industri. Dia ada bilik-bilik

yang bilik kita panggil bilik K, bilik *K Study*, bilik perbincangan, bilik lembaga pengarah misalnya *board room* mungkin kita nak adakan kita kata aa morc *board meeting* ya untuk melatih atau memberi peluang kepada *graduate students executive* ini untuk melatih diri mereka beraksi sebagai pengurusan atasan misalnya ya. Jadi ini semua kemudahan-kemudahan yang kita sedialah, jadi ini kita nampak memang berbeza sedikitlah dalam berbanding dengan suasana kita kata pendidikan yang biasa yang menggunakan bilik kuliah, bilik tutorial ya tapi cuba adakan kemudahan-kemudahan itulah. Jadi saya memang mempunyai harapan yang tinggilah tentang hal ini sebab dari segi perancangan akademiknya dan disokong oleh prasarana kemudahan yang sebegitu, kita memang mengharapkan bahawa satu hari nanti memang tercapai hasrat kita untuk benar-benar membuat USIM ini sebagai sebuah institusi yang aaa boleh melahirkan graduan yang memenuhi kehendak industri dan juga kehendak masyarakat dan juga boleh menjadi pemimpin dalam masyarakat ya. Jadi kita terpaksa ada, perlukan mengadakan kemudahan-kemudahan yang sebegitulah, *insya'allah*. Terima kasih banyak-banyak ya.

TAMAT

Copyright © 2014 Unit Pengurusan Ilmu, Perpustakaan USIM